

06 DISEMBER 2017

Dadah NPS bakal binasakan penagih Malaysia

Dadah NPS bakal binasakan penagih Malaysia



AGENSI-AGENSI penguat kuasa dan pakar-pakar jenayah meramalkan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, dadah-dadah sintetik dan tradisional yang berada di pasaran Malaysia bakal pupus dan digantikan dengan dadah baharu jenis New Psychoactive Substances (NPS).

Kehadiran NPS yang merupakan bahan psikoaktif baharu dilihat mula menjadi tarikan dalam kalangan penagih dan pengedar dadah di bandar-bandar besar di Lembah Klang sejak setahun lalu.

Pengambilan NPS yang digambarkan boleh menjadikan



DADAH psikoaktif baharu NPS mula dikesan memasuki Malaysia pada tahun 2016.

Pengambilan dadah pil kuda, eramin 5 dan ekstasi mungkin digantikan bahan psikoaktif baharu yang tidak boleh dikesan menerusi ujian air kencing

seseorang penagih seperti mayat hidup mula digilai kerana dadah itu gagal dikesan oleh pihak berkuasa menerusi ujian air kencing.

Berikutnya inovasi tersebut, pengedar-pengedar dadah kini dikatakan berlumba-lumba

mencari bekalan dadah NPS dan memperkenalkan kepada penagih-penagih.

Perkembangan tersebut sekali gus menjadikan permintaan terhadap dadah-dadah lain seperti pil kuda, ekstasi, eramin 5 dan heroin akan lenyap begitu sahaja.

» LAPORAN DI MUKA 2

Semakin ramai penagih mengambil dadah NPS yang tak dapat dikesan ujian air kencing

Pil kuda, eramin 5 bakal pupus

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Dalam tempoh beberapa tahun akan datang, dadah sintetik dan tradisional lain di Malaysia dijangka pupus apabila pengedar dan penagih beralih trend untuk mengambil bahan psikoaktif baharu iaitu New Psychoactive Substances (NPS).

Trend tersebut mula diketahui di bandar-bandar besar di Lembah Klang apabila banyak serbuan dan pemeriksaan polis terutama di pusat-pusat hiburan menemui dadah NPS disalahgunakan oleh para penagih.

NPS menjadi tarikan baharu bukan sahaja kerana harganya yang lebih murah berbanding dadah-dadah sintetik sedia ada tetapi yang lebih penting mereka yang mengambil dadah itu boleh melepas ujian air kencing.

Atas faktor harga dan pengambilannya gagal dikesan, dijangka dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, dadah NPS bakal menguasai penagih dan pengedar di Malaysia.

Satu sumber memberitahu, NPS yang merupakan dadah sintetik inovasi baharu ciptaan manusia adalah bagi memenuhi permintaan dalam kalangan



PAKAR kimia jahat sedang berlumba-lumba menghasilkan dadah NPS yang menjadi kegiatan dalam kalangan penagih di Malaysia. – Gambar hiasan

penagih dadah di seluruh dunia yang dilanda bencana ketagihan.

Kata sumber itu, dadah NPS dikatakan berasal dari sebuah negara di Asia Timur tetapi tidak lama selepas itu, ramuan NPS berjaya ditiru oleh pakar-pakar pembuat dadah lain.

"Di Malaysia dadah NPS mula dikesan memasuki pasaran Malaysia pada tahun 2016 dan pengambilannya yang membolehkan seseorang itu kelihatan seperti mayat hidup mula digilai oleh penagih negara ini," kata sumber itu ketika dihubungi semalam.

Sumber itu memberitahu, buat masa ini, pengambilan dadah NPS banyak dalam kalangan pengunjung-pengunjung kelab hiburan namun secara pantas ia sedang menular kepada penagih-penagih di luar bandar terutama di Johor dan Pulau Pinang.

"Permintaan dadah NPS me-



PELANGGAN pusat hiburan di Lembah Klang dikatakan menggilai dadah NPS yang bukan sahaja lebih murah tetapi memberi kesan yang membinaasan. – Gambar hiasan

ningkat secara mendadak kerana ia bukan sahaja memberi kesan khayal sama tetapi lebih istimewa bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan NPS membabitkan bahan-bahan kimia yang tidak menyalahti undang-undang," jelas beliau.

Jelasnya, kehadiran dadah NPS kini mula mengancam dadah-dadah sintetik lain yang popular sebelum ini seperti pil kuda, syabu, eramin 5 dan juga heroin.

Malaysia kini diancam dadah psikoaktif

Foto: Astro AWANI

Penyebab dadah sintetik berbahaya

Menurut Fauziah, penghasilan dadah NPS itu mempunyai kaitan dengan permintaan dalam kalangan penagih terutama penagih golongan elit.

"Dahulu, kebanyakan penagih terdiri dalam kalangan golongan bawahan seperti penganggur dan mereka yang berpendidikan rendah namun kini individu mempunyai taraf hidup tinggi turut terjebak dalam kancan dadah," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut Fauziah, penghasilan dadah sintetik baharu seperti NPS amat membimbangkan kerana cara pembungkusanya ada yang menyerupai ubat-ubatan seperti pil menahan sakit.

"Taktik sebegini menjadi ancaman bukan sahaja kepada penagih dadah tetapi dihukuti orang awam lain juga boleh terjebak," katanya.

KERATAN Kosmo! semalam.

Inovasi dadah berkembang sebab ada permintaan

Oleh HARIZ KAMARUDIN dan MUNIRAH AZMAN

KUALA LUMPUR – Keinginan tinggi golongan penagih terhadap dadah sintetik di negara ini menjadikan punca utama sindiket pemproses dadah sentiasa berusaha mahu memenuhi citra rasa penagih kerana pulangan daripada menjual barang terlarang itu amat lumayan.

"Penemuan dadah NPS ini diperdaya paling terkini dan canggih apabila pengambilannya gagal dikesan oleh pihak berkuasa menerusi ujian air kencing," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, kel-



AKHBAR FAUZIAH
ebilan pada dadah NPS itu juga menyebabkan pengedarannya berlumba-lumba mencari dan menawarkan dadah tersebut kepada penagih di seluruh negara.

Sehubungan itu, Akh-

bar berharap pihak berkuasa mampu memerangi kemunculan versi baharu dadah berbahaya itu di negara ini.

"Pihak berkuasa pelbagai agensi harus memandang serius kemunculan dadah NPS ini kerana kita tidak mahu Malaysia dipenuhi penagih ala zombi," kata beliau.

Sementara itu, Penggarah Pusat Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Fauziah

Mohd. Sa'ad pula berpendapat, inovasi yang berlaku dalam penghasilan dadah NPS itu mempunyai kaitan dengan permintaan dalam kalangan penagih terutama penagih golongan elit.

"Dahulu, kebanyakan penagih terdiri dalam kalangan golongan bawahan seperti penganggur dan mereka yang berpendidikan rendah namun kini individu mempunyai taraf hidup tinggi turut terjebak dalam kancan

dadah," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut Fauziah, penghasilan dadah sintetik baharu seperti NPS amat membimbangkan kerana cara pembungkusanya ada yang menyerupai ubat-ubatan seperti pil menahan sakit.

"Taktik sebegini menjadi ancaman bukan sahaja kepada penagih dadah tetapi dihukuti orang awam lain juga boleh terjebak," katanya.